



**SYARAT DAN PERATURAN
ANUGERAH DIGITALISASI AKADEmia
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
2024**

DEFINISI ANUGERAH DIGITALISASI AKADEmia

Anugerah Digitalisasi Akademia merupakan salah satu kategori anugerah utama yang dipertandingkan dalam Anugerah Kecemerlangan Akademia anjuran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Malaysia Kelantan yang diadakan sempena Istiadat Konvokesyen Universiti.

OBJEKTIF ANUGERAH

Anugerah Digitalisasi Akademia bertujuan memberi penghargaan atau pengiktirafan yang diberikan kepada staf akademik Universiti Malaysia Kelantan dalam mengiktiraf usaha dan pencapaian mereka yang memanfaatkan teknologi digital untuk meningkatkan mutu pendidikan dan menyokong perkembangan akademik berterusan.

Anugerah ini dikhususkan kepada staf akademik celik dan mahir digital yang menunjukkan pencapaian cemerlang dalam penggunaan teknologi digital untuk meningkatkan pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP).

SYARAT PERMOHONAN

1. Terbuka kepada semua staf akademik di UMK yang telah berkhidmat dalam bidang PdP sekurang-kurangnya setahun dan ke atas, berstatus jawatan tetap/kontrak/sambilan.
2. Pencalonan adalah berdasarkan pencalonan sendiri (*self-nomination*). Calon hendaklah menghantar *Curriculum Vitae* (C.V) secara digital dengan lampiran bukti yang berkaitan, beserta video berdurasi 5-10 minit memperkenalkan diri mengikut kriteria yang ditetapkan.
3. Pautan C.V digital dan video berkenaan hendaklah diserahkan kepada pihak urus setia sebelum atau pada **9 Oktober 2024 (Rabu)** di alamat emel pkpa@umk.edu.my

KAEDAH PENILAIAN

1. Penilaian berdasarkan maklumat C.V digital dengan lampiran bukti dan video pengenalan, termasuk elemen kreatif dan inovatif yang ditonjolkan dalam dua bahan tersebut.
2. Penilaian juga mengambil kira penggunaan kaedah digital yang berinovasi dalam penyediaan kedua-dua bahan tersebut, seperti penggunaan C.V dalam talian (laman web C.V), elemen teknologi AR/AI, dan lain-lain.

KRITERIA PENILAIAN

1. Penilaian anugerah diambil kira bermula pada **Januari hingga September 2024**.
2. Penyertaan akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:
 - i. Inovasi PdP Digital (30%);
 - ii. Pengiktirafan Akademik Digital (30%);
 - iii. Pendaftaran Hak Cipta Digital (20%); dan
 - iv. Impak Produk PdP Digital (10%).
 - v. Kreativiti Digital (10%).

<p>Inovasi PdP Digital (30%)</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Mempunyai produk digital yang telah digunakan dalam proses PdP seperti MOOC/MC/eCampus dan lain-lain; ii. Menyertai secara aktif dalam pertandingan inovasi PdP anjuran dalam UMK dan luar UMK; iii. Mendapat pengiktirafan dalam dan luar UMK bagi produk digital PdP yang dibangunkan/direka cipta; iv. Mempunyai nilai komersial (sama ada telah/akan/boleh dijual) bagi produk digital PdP yang dihasilkan. v. Menerbitkan jurnal berindeks/buku/bab dalam buku/kertas persidangan berkaitan inovasi PdP digital.
<p>Pengiktirafan Akademik Digital (30%)</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Terlibat aktif sebagai juri dalam pertandingan inovasi PdP; ii. Mempunyai geran penyelidikan berkaitan inovasi PdP; iii. Terlibat aktif dalam kerja rundingan/penceramah jemputan dalam bidang berkaitan PdP digital; iv. Mempunyai bukti kehadiran/penyertaan kursus kemahiran digital; v. Mempunyai bukti pelantikan keahlian/jawatan tertentu dalam bidang PdP digital.
<p>Pendaftaran Hak Cipta Digital (20%)</p>	<p>Memiliki produk PdP digital yang telah/sedang didaftarkan di bawah hak cipta (IP).</p>

Impak Produk PdP Digital (10%)	Mempunyai testimoni atau bukti lain untuk menunjukkan kepenggunaan produk digital dalam PdP, seperti maklum balas pelajar/pengguna.
Kreativiti Digital (10%)	Menunjukkan kreativiti yang menarik dalam penyediaan bahan pencalonan.

NILAI ANUGERAH

Penerima Anugerah Digitalisasi Akademia akan menerima **Piala Iringan dan Sijil Penghargaan**